

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.0. Pengenalan**

Filem dikatakan sebagai saluran media hiburan yang paling berjaya sehinggakan ianya sudah sehati dengan kehidupan sosial manusia. Dunia tanpa hiburan tayangan filem pula dikatakan sukar untuk diimajinasikan (Bordwell & Thompson, 2008, pp.1-2). Hal ini sedemikian kerana filem bukan hanya berperanan sebagai alat hiburan tetapi juga berkuasa mempengaruhi emosi, minda dan bentuk kehidupan khalayak penonton (Mahadi J Murat, 2006, p.xi).

Sejarah perkembangan industri perfileman didapati lahir apabila terciptanya teknik fotografi dan projektor oleh adik-beradik Lumiere (Louis dan Auguste). Mereka ini telah berjaya menayangkan filem pertama pada 28hb Disember 1895, di Grand Cafe, Paris (Bordwell & Thompson, 2008, p.373). Kemudiannya industri ini berkembang ke benua-benua lain termasuk ke benua Asia. Di benua Asia, tiga buah industri perfileman iaitu di India, Jepun dan China adalah penting (Geoffrey Nowell-Smith, 1996, p.3). Dalam pada ini, industri perfileman India menduduki tahap tertinggi di benua Asia dan tempat kedua di arena antarabangsa. Di India pula, industri perfileman Bollywood yang menghasilkan

filem-filem Hindi dan Kollywood yang menghasilkan filem-filem Tamil adalah amat popular (Ashish Raja Dhayaksha & Cherchi Usia 1997, p.398). Manakala industri perfileman Kollywood menjadi inspirasi untuk melahirkan semangat dalam kalangan penerbit FFTM (filem-filem Tamil Malaysia) untuk menghasilkan filem-filem Tamil di Malaysia.

Sejarah perfileman Tamil Malaysia didapati bermula dengan penerbitan filem berjudul, *Ratta Pei* (Hantu berdarah). Ini bukanlah sebuah filem penuh, sebaliknya ialah sebuah filem pendek. Filem ini diterbitkan oleh Mu.Bahruthin pada tahun 1968. (Akbar *Makkal Osai*, 9/8/2009, p.4). Manakala filem berjudul *Naan Oru Malaysian* (Saya Anak Malaysia) adalah filem penuh pertama yang dihasilkan pada tahun 1991 oleh Suhan Panjatcharam. Sejurus dengan itu ramai anak muda India Malaysia telah menceburkan diri dalam bidang industri perfileman Tamil. Mereka ini telah mula mencipta FFTM berdasarkan acuan tradisi budaya masyarakat India Malaysia.

Pada awalnya, bidang perfileman hanyalah dilihat sebagai sebuah industri hiburan dan tidak diterima sebagai bahan kajian akademik mahupun sebagai suatu bidang akademik yang tersendiri (Richard & Robert, 2009, p.130). Selepas tahun 1930-an, penerbitan beberapa buah buku seperti *A Million And One Night* (1926), *The Film Till Now* (1930), *History Of The American Film Industry* (1931) dan *The Rise Of The American Film* (1939) yang bersifat akademik telah memberikan keyakinan dalam kalangan para sejarawan dan ahli akademik untuk mula menerima filem sebagai bahan kajian akademik (Marantz Cohen, 2001, p.183).

Keyakinan ini telah diperteguhkan oleh anjuran Persidangan Filem dan Sejarawan (Film and Historians) pada tahun 1968. Persidangan ini telah dianjurkan oleh Kolej Universiti London (University College, London) (James Chapman, 2013, pp.75-76). Sebagai perkembangan selanjutnya, sebuah jawatankuasa (*University Historians Film Commettee*) ditubuhnya demi mempromosikan bahan-bahan filem sebagai sumber bagi kajian-kajian akademik, khususnya dalam bidang sejarah (Paul Smith, 1976, p.2). Perkembangan ini telah membuka ruang baru dalam dunia penyelidikan di mana filem telah diterima sebagai bahan berwibawa yang boleh digunakan untuk kajian-kajian akademik telah membuatkan para sejarawan untuk menerima serta memanfaatkan filem dalam kajian dan pengajaran tentang sejarah (Rosenstone, 2007, p.256).

Ini diikuti dengan suatu lagi perkembangan positif di mana beberapa kursus filem telah diperkenalkan di beberapa buah universiti di Amerika dan UK. Hal ini berlaku pada tahun 1973 di mana filem dijadikan sebagai bahan kajian dalam bidang sosiobudaya kemasyarakatan (James Chapman, 2003, p.17). Pada abad yang ke-21 ini, bidang perfileman telah berkembang menjadi suatu bidang kajian yang tersendiri sepertimana bidang akademik yang lain (Short, 1981, p.11).

Pada masa yang sama, filem juga disifatkan sebagai salah satu sumber yang penting dalam kajian bidang sosiobudaya kerana ia memainkan peranan penting dalam kehidupan sosial masyarakat. Hal ini kerana filem berpotensi mempengaruhi minda, emosi dan gaya kehidupan khalayak penonton. Ini kerana filem menggambarkan pengalaman

kehidupan individu penonton (Paul Madsen, 1973, p.3). Berdasarkan pandangan ini, FFTM yang sedang membangun dengan identiti tersendiri sebagai filem Tamil Malaysia juga dapat dikatakan mencerminkan dan mempengaruhi kehidupan masyarakat India Malaysia.

Oleh hal yang demikian, aspek-aspek yang digambarkan dalam FFTM haruslah dinilai dalam bentuk akademik untuk mengetahui apakah kepentingan industri perfileman Tamil Malaysia dalam kalangan masyarakat India yang dipercayai boleh meninggalkan kesan dalam kehidupan sosial mereka sebagai warga negara Malaysia. Oleh hal yang demikian, kajian semasa adalah dilakukan untuk meneliti tentang kehidupan sosial masyarakat India Malaysia. Aspek ketaksamaan sosial dipilih sebagai pokok persoalan kajian semasa.

Ketaksamaan sosial adalah unsur yang merujuk kepada kewujudan berbezaan kedudukan dalam kalangan masyarakat (Ilan Marsh & Mike Keating, 1996, p.268). Dengan ini dapat dikatakan bahawa ketaksamaan sosial ini menjadi sebagai parameter dalam menentukan kedudukan individu dalam sosial (Rasmun Hoffmann, 2008, p.29). Kewujudan ketaksamaan sosial ini boleh meninggalkan kesan positif mahupun negatif dalam kalangan masyarakat berdasarkan strata sosial yang terhasil. Namun demikian, dalam apa jua keadaan ketaksamaan sosial ini tetap akan wujud kerana hal ini memang menjadi sebahagian kehidupan sosial (Hurst, 1992, p.1).

Status, kelas dan kuasa adalah tiga aspek asas yang menentukan ketaksamaan sosial dalam kalangan sesuatu kelompok masyarakat (Tischler, 2006, p.209). Ketaksamaan sosial ini dikatakan boleh wujud di mana-mana dan pada bila-bila masa (Rohana Yusuf, 2010, p.219). Pada masa yang sama, sistem sosial juga mewujudkan beberapa peraturan dan undang-undang yang memberikan justifikasi terhadap tindakan sosial yang menghasilkan ketaksamaan sosial (Kerbo, 2012, p.10). Kewujudan ketaksamaan sosial juga adalah berbeza antara suatu kelompok masyarakat dengan kelompok masyarakat yang lain.

Oleh hal yang demikian, kajian semasa adalah dilakukan terhadap FFTM untuk menganalisis ketaksamaan sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat India Malaysia. Justeru itu, kajian semasa adalah dilakukan berdasarkan tajuk, 'Filem-Filem Tamil Di Malaysia: Suatu Pemerhatian Terhadap Ketaksamaan Sosial'.

### **1.1. Objektif Kajian**

- 1) Mengenalpasti ketaksamaan sosial yang ditonjolkan dalam FFTM.
- 2) Menghurai akan asas pembentukan ketaksamaan sosial yang dikenalpasti dari FFTM.
- 3) Menganalisa secara kritis ketaksamaan sosial yang digambarkan dalam FFTM.

Objektif pertama melibatkan proses mengidentifikasi ketaksamaan sosial yang terkandung dalam FFTM. Seterusnya ketaksamaan sosial yang dikenalpasti, diteliti dan dibuat nota. Ini melibatkan proses dokumentasi. Nota-nota inilah akhirnya akan menjadi data asas bagi kajian semasa.

Objektif kedua pula dibentuk bersesuaian dengan proses berikutnya iaitu mengkaji faktor-faktor yang menjadi asas dalam pembentukan dan pembinaan ketaksamaan sosial. Dalam usaha ini tradisi budaya masyarakat Tamil diteliti sejak zaman awal lagi supaya bibit-bibit permulaan serta sebab-sebab terhasilnya ketaksamaan sosial tertentu yang digambarkan dalam FFTM dapat diperjelas secara objektif.

Seterusnya objektif ketiga membolehkan pengkaji membuat analisis kritis yang objektif terhadap bahan-bahan yang dikumpulkan dalam tahap pencapaian objektif kedua. Analisis kritis ini dilakukan dengan sokongan teori dan sumber sekunder yang berkaitan. Akhirnya, hasil analisis kritis ini dapat dirumuskan sebagai penemuan kajian semasa dan juga untuk mencadangkan skop bagi kajian masa depan.

## **1.2. Soalan Kajian**

Soalan kajian adalah penting kerana ia dapat membantu penyelidik untuk tidak terpesong daripada objektif sesuatu kajian itu. Berikut adalah beberapa soalan kajian semasa:-

- 1) Apa itu ketaksamaan sosial?
- 2) Apakah ketaksamaan sosial ini dapat diangkat oleh filem?

- 3) Apakah filem-filem boleh diterima sebagai bahan kajian yang berwibawa?
- 4) Apakah ketaksamaan sosial yang wujud dalam masyarakat Tamil Malaysia dapat digambarkan dalam FFTM?
- 5) Apakah jenis ketaksamaan sosial yang diangkat oleh FFTM ?
- 6) Cara bagaimana ketaksamaan sosial ini digambarkan dalam FFTM?
- 7) Bagaimanakah prinsip-prinsip asas ketaksamaan sosial iaitu status sosial, kelas sosial dan kuasa dapat diperjelaskan berdasarkan data yang dikumpulkan dari FFTM?
- 8) Apakah dan bagaimana faktor-faktor yang mempengaruhi kewujudan ketaksamaan sosial berdasarkan tiga prinsip asas ketaksamaan sosial dapat dihuraikan secara objektif?
- 9) Bagaimana tradisi budaya masyarakat Tamil awal dan kemudian dapat membantu dalam mengungkap proses pembinaan ketaksamaan sosial?
- 10) Apakah teori-teori yang sesuai untuk menganalisis unsur ketaksamaan sosial yang dapat dikenal pasti menerusi FFTM yang terpilih?
- 11) Apakah penemuan atau rumusan utama yang dapat dihasilkan sebagai sumbangan kajian semasa yang dapat membantu memperbaiki ilmu yang sedia terbina dalam bidang kajian.

### **1.3. Kepentingan Kajian**

Ilmu yang sedia terbina dalam bidang perfileman Tamil Malaysia adalah amat terhad. Penelitian terhadap kajian-kajian lalu menunjukkan bahawa tiada sebarang kajian khusus

tentang FFTM dibuat setakat ini. Tetapi tidak dinafikan akan adanya beberapa penulisan tentang FFTM yang bersifat tulisan popular. Oleh hal yang demikian bidang kajian FFTM menawarkan ruang dan lompang-lompang yang amat luas untuk diisi. Dalam pada ini kajian semasa memilih untuk membina sejarah latar belakang FFTM. Hal ini dapat meletakkan asas yang kukuh untuk sebarang kajian yang bakal dibuat dalam bidang ini.

Objektif pertama kajian semasa dibentuk berdasarkan keperluan ini yang amat mendesak. Sebaik sahaja asas ini dibina maka aspek-aspek lain boleh diperkembangkan daripada ini. Kajian semasa juga menegaskan dan mengesahkan bahawa filem boleh menjadi data sosial yang berguna dan boleh diyakini dalam mendedahkan struktur sosial yang sedia terbina. Berdasarkan hal ini kajian semasa berusaha untuk mengenal pasti ketaksamaan sosial yang sedia terbina dalam kelompok masyarakat India Malaysia berdasarkan FFTM. Dengan ini, kajian semasa memberi sumbangan yang berguna dalam perkembangan media filem sebagai bahan kajian akademik.

Selain itu, ketaksamaan sosial merupakan salah satu cabang penyelidikan yang agak penting dalam bidang antropologi dan sosiologi. Lantaran itu, kajian semasa juga dapat mengisi sebahagian lagi lompang dalam bidang kajian FFTM. Selain itu, penelitian kajian-kajian terdahulu terhadap masyarakat India dalam bidang akademik menunjukkan bahawa kebanyakan pengkaji tempatan lebih berminat dalam bidang kesusasteraan bertulis atau karya kreatif tetapi jarang sekali memberi perhatian terhadap filem Tamil tempatan sebagai bahan kajian akademik. Justeru itu, Kajian ini dapat memecahkan tradisi ini dan



memulakan suatu tradisi baru yang kemudiannya akan merangsang kajian-kajian lain dalam bidang filem dan saluran-saluran media yang lain.

Tanpa disedari aksi-aksi dan mesej yang disampaikan dalam sesebuah filem akan mendominasi minda khalayak penonton (Anuar Nor Arai, 2007, p.1-2). Hal ini kerana, isu-isu sosial yang digambarkan dalam sesuatu filem itu mungkin telah berlaku dalam kehidupan khalayak penonton. Kadang-kala bentuk pemaparan perubahan dan ketaksamaan sosial yang digambarkan dalam sesebuah filem juga berkeupayaan untuk mempengaruhi bentuk kehidupan sesuatu individu. Oleh itu, kajian ini dapat memberikan kesedaran kepada pihak penerbit tentang tanggungjawab sosial mereka dalam usaha mengangkat isu-isu ketaksamaan sosial.

Hasil kajian semasa juga mampu memberikan input kepada masyarakat pembaca untuk mengenal pasti sejauh manakah ketaksamaan sosial yang dipaparkan dalam FFTM dan apakah pemaparan itu berkesan dan sesuai dengan budaya kehidupan masyarakat India Malaysia atau sebaliknya.

#### **1.4. Pernyataan Masalah**

Persoalan bagaimana ketaksamaan sosial digambarkan dalam FFTM menjadi masalah asas dalam yang akan dirungkaikan dalam kajian semasa. Sebagai langkah pertama dalam usaha ini pengkaji perlu mencari jawapan kepada persoalan sama ada filem boleh dijadikan sebagai sumber utama dalam sesuatu kajian ilmiah. Hal ini penting untuk menjustifikasikan penemuan kajian yang bakal ditemui. Oleh sebab itu masalah kajian ini diberi perhatian dan dicari jawapannya.

Suatu lagi perkara asas dalam masalah kajian semasa ialah mentakrifkan konsep ketaksamaan sosial. Lazimnya kehidupan sosial sesuatu masyarakat dikatakan akan diselubungi oleh pelbagai perbezaan yang meninggalkan kesan terhadap mereka (Hurst, 1992, p.1). Perbezaan tersebut pula dikatakan akan meletakkan asas-asas untuk kelahiran ketaksamaan sosial (Kerbo, 2012, pp.9-10).Setelah ketaksamaan sosial yang digambarkan dalam FFTM dikenal pasti, timbul persoalan berikutnya yang hendak difahami menerusi kajian semasa iaitu apakah latar belakang serta ciri-ciri kebudayaan masyarakat India yang telah mewujudkan serta membina ketaksamaan sosial yang tersebut.

Ketaksamaan sosial ini bukan sahaja terhasil dalam kalangan masyarakat sesuatu negara tetapi boleh juga wujud dalam sesuatu kelompok masyarakat. Persoalan yang harus dititik beratkan dalam kewujudan ketaksamaan sosial ini adalah, apakah hal ini diterima dalam kelompok masyarakat itu ataupun tidak. Pada masa yang sama terdapat juga pelbagai

makna yang terhasil daripada warisan kehidupan, ajaran agama, budaya kehidupan, falsafah dan sebagainya yang mempengaruhi kewujudan dan pengekal ketaksamaan sosial dalam sesuatu kelompok masyarakat. Kesemua makna yang terhasil ini mungkin boleh berbeza dengan kelompok masyarakat yang lain. Oleh hal yang demikian kajian ini adalah dilakukan untuk mengenal pasti apakah punca dan makna yang terhasil daripada ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat India Malaysia sepertimana digambarkan dalam FFTM.

### **1.5. Tumpuan dan Batasan Kajian**

Kajian ini dibuat untuk menilai dan mendedahkan ketaksamaan sosial yang digambarkan dalam filem-filem Tamil Malaysia. Aspek ketaksamaan sosial ini didekati berdasarkan tiga unsur yang melahirkan stratifikasi sosial iaitu status, kelas dan kuasa. Kajian dilakukan berdasarkan faktor-faktor yang mempengaruhi ketiga-tiga unsur ini sepertimana yang digambarkan dalam filem-filem Tamil.

Biasanya filem dapat dikaji dalam pelbagai perspektif seperti pengkajian tentang teknik perfileman, arahan filem, bentuk lakonan, ekonomi dalam bidang filem, perbandingan antara filem, aspek sejarah dalam filem dan sebagainya. Kajian semasa hanya dilakukan terhadap adegan-adegan dalam filem Tamil tempatan. Situasi yang digambarkan

menerusi adegan-adegan filem dikaji untuk mengenal pasti ketaksamaan sosial yang wujud dalam kalangan kelompok masyarakat India Malaysia.

Untuk kajian ini filem-filem dalam jangka masa sembilan tahun (2005-2013) telah dipilih menjadi bahan asas kajian. Penentuan ini dibuat kerana, filem Tamil tempatan yang pertama telah diterbitkan pada tahun 1991 (*Naan Oru Malaysian*). Setelah itu, filem kedua hanya diterbitkan pada tahun 2005 (*Chemman Chaalai*). Dalam jangka masa 14 tahun ini kehidupan orang India Malaysia dan industri perfileman Tamil Malaysia telah mengalami pelbagai perubahan di mana ramai anak muda telah melibatkan diri dalam industri ini berdasarkan pelbagai idea yang baru. Filem-filem ini dipilih berdasarkan pengeluaran yang terbaru kerana ianya dirasakan dapat menggambarkan keadaan semasa untuk dinilai sama ada apa yang digambarkan itu bersesuaian dengan ketaksamaan sosial yang wujud dalam kalangan kelompok masyarakat India atau sebaliknya. Pemilihan jangka masa ini dan bilangan filem juga dapat mengawal ruang lingkup kajian semasa supaya tidak terlalu luas dan berada dalam lingkungan yang dapat ditangani oleh pengkaji.

Sosiologi adalah subjek yang lebih luas untuk dikaji. Oleh hal yang demikian, unsur ketaksamaan sosial sahaja dipilih dalam kajian semasa untuk mengkaji perbezaan ketaksamaan sosial yang wujud dalam kalangan kelompok masyarakat India Malaysia. Dalam kajian tentang ketaksamaan sosial, terdapat pelbagai faktor seperti ekonomi, pendidikan, politik, gender dan sebagainya yang mempengaruhi kewujudan strata dalam kalangan masyarakat. Dalam kajian semasa, faktor-faktor tersebut telah ditentukan daripada situasi yang digambarkan dalam FFTM.

## **1.6. Kajian Lepas**

Kajian lepas atau ulasan kesusasteraan adalah tugas awal yang perlu dilakukan sebelum sesuatu kajian dimulakan (Lawrance Neuman, 2003, p.96). Ulasan tentang kajian lepas amat penting untuk mengenali dan menstabilkan perkara yang dicadangkan untuk dikaji dan akan memberikan suatu panduan tentang kajian sebelum yang berkaitan dengan kajian semasa (Ranjit Kumar, 2011, p.32). Hal ini juga dapat dikatakan sebagai akaun penerbitan yang menyenaraikan kajian sebelum yang telah dilakukan oleh pengkaji dan sarjana dalam bidang yang berkaitan (Norzan Mohd Noor, 2011, p.111).

Ulasan kesusasteraan adalah proses untuk memperoleh ilmu dalam bidang kajian melalui kajian dan pembangunan ilmu yang telah dilakukan sebelum ini (Lawrance Neuman, 2003, p.96). Hal ini juga penting untuk menggambarkan bagaimana kajian semasa menjadi berbeza dengan kajian sebelum dan bagaimanakah ia akan menyumbang kepada kajian yang sedang dilakukan (Ranjit Kumar, 2011, p.32). Pada masa yang sama ulasan kesusasteraan juga berfungsi menghubungkan kajian semasa dengan ilmu relevan yang terbentuk pada sezaman (Norman Blaikie, 2010, p.17). Selain itu, ulasan kajian lepas inilah yang memberikan jawapan kepada seseorang pengkaji untuk menentukan sama ada rancangan kajiannya dapat diteruskan dalam pencariannya atau harus ditukar kerana penemuannya sudah ada dalam bidang ilmu ini (Corrine Glesne, 2011, p.31). Melalui

ulasan kajian lepas juga seseorang pengkaji dapat mengetahui sama ada kajiannya dijalankan pada hala tujuan yang betul atau tidak (Kamarul Zaman Bin Ahmad, 2007, p.81).

Berdasarkan idea-idea yang tersebut di atas, pengkaji telah menemui beberapa hasil karya yang penting dalam bidang ini yang harus diambil perhatian. Kebanyakannya adalah tulisan bersifat akademik. Kesemua tulisan ini diulas untuk menilai kegunaan bahan-bahan tadi bagi kajian ini. Pada masa yang sama bahan-bahan akademik tersebut juga dinilai supaya ianya tidak bertindih dengan kajian semasa. Ulasan karya akademik ini dikategorikan berdasarkan bagaimana ia membantu pengkaji dalam kajian semasa.

Kajian ulasan kesusasteraan ini dilakukan dalam dua tahap. Tahap pertama memuatkan aspek media dan keduanya pula melibatkan aspek sosiologi. Oleh itu, ulasan kesusasteraan dalam kajian semasa dimulakan dengan penelitian terhadap aspek media.

Ulasan kesusasteraan ini dimulakan dengan penilaian terhadap tiga buah tesis Ijazah Sarjana yang mempunyai persamaan dari segi subjek kajiannya. Ketiga-tiga kajian ini mendekati filem untuk meneliti dan mendedahkan nilai patriotisme dan nasionalisme.

Kajian Zolkipli bin Abdullah berjudul, *Filem Sarjan Hassan: Dari Aspek Filem Dalam Pendidikan* (2008) merupakan sebuah kajian Ijazah Sarjana Kesenian (Drama) yang

dilakukan di Pusat Kebudayaan Universiti Malaya berfokus kepada nilai semangat kenegaraan dalam filem Melayu berjudul, *Sarjan Hassan*. Beliau telah mengkaji filem sebagai bahan didikan khususnya dalam memberikan semangat kenegaraan dan nilai patriotisme dalam kalangan pelajar-pelajar. Kajian beliau dilakukan untuk mengenal pasti sejauh manakah nilai-nilai patriotisme yang dipaparkan dalam filem tersebut memberikan kesan dalam kalangan para pelajar dan apakah filem boleh dijadikan sebagai bahan didikan kokurikulum dalam pada sistem pendidikan di sekolah. Hasil penemuan kajiannya menunjukkan bahawa filem memang boleh diterima sebagai bahan akademik dalam usaha memupuk nilai-nilai moral dalam kalangan pelajar.

Selain itu, kajian Ijazah Sarjana Sastera yang berjudul, *Filem Dokumentari Filem Negara Malaysia: Satu Analisis Terhadap Bentuk Dan Matlamat Nilai Nasional*, oleh Abu Hasan Lebai Ahmad (2004) merupakan sebuah lagi bahan penyelidikan yang berfokus kepada nilai nasionalisme yang digambarkan dalam filem-filem dokumentari terbitan Filem Negara Malaysia. Kajian ini telah dilakukan terhadap filem-filem dokumentari yang telah diterbitkan sebelum dan selepas kemerdekaan negara (Malaysia) untuk menilai perbezaan gambaran nilai nasionalisme antara kedua-dua jangka masa tersebut. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji jenis-jenis nilai nasionalisme yang digambarkan dalam filem-filem dokumentari dan meneliti sejauh manakah Filem Negara Malaysia sebagai agensi media kerajaan memainkan peranannya dalam usaha mengangkat nilai nasionalisme dalam penerbitannya. Hasil kajian menunjukkan bahawa perbezaan pemaparan nilai-nilai nasionalisme dalam filem-filem dokumentari di antara zaman sebelum dan selepas kemerdekaan tidaklah begitu ketara dan nilai perpaduan diberikan penekanan sebagai nilai utama nasionalisme dalam filem-filem dokumentari. Hasil kajian ini juga menunjukkan

bahawa Filem Negara Malaysia telah menjalankan tanggungjawabnya dalam usaha mengangkat nilai-nilai nasionalisme melalui terbitan.

Seterusnya, kajian Mohamad Mahdi bin Abas yang berjudul, *Penyuntingan Filem: Satu Analisis Terhadap Teknik Penceritaan Filem Dan Drama TV Bertema Patriotik* (2004) adalah sebuah lagi kajian Ijazah Sarjana Sastera yang berfokus kepada teknik penyuntingan filem. Pengkaji menganalisis tentang pemahaman penyuntingan babak dalam filem yang berkaitan dengan nilai patriotik. Kajian ini telah dijalankan berdasarkan teori emphasis dramatik, teori penyuntingan konstruktif dan teori montaj intelektual. Kajian ini menunjukkan penemuannya bahawa para penyunting filem dan drama di Malaysia didapati masih kurang menguasai bidang penyuntingan filem.

Ketiga-tiga kajian yang tersebut di atas adalah berkaitan dengan bidang media filem. Kajian Zolkipli bin Abdullah melihat filem sebagai bahan didikan manakala Abu Hasan Lebai Ahmad pula mengkaji aspek-aspek yang berkaitan dengan nilai nasionalisme dalam filem dokumentari. Walaupun kajian Mohamad Mahdi bin Abas berkaitan dengan teknik penyuntingan tetapi tetap membantu pengkaji dari segi pemahaman yang lebih berkesan terhadap mesej yang dibawa berasaskan nilai patriotisme yang merupakan sebuah aspek dalam kehidupan sosial. Ketiga-tiga kajian ini memberikan input kepada kajian semasa dalam usaha menganalisis filem sebagai bahan kajian akademik.



Seterusnya, adalah penelitian terhadap dua buah lagi kajian Ijazah Sarjana yang berkaitan dengan media filem. Kajian Khoo Sim Eng yang berjudul, *The Construction Of A Chinese-American Faminice Indentity In Film* (1997) perlu diberi perhatian. Kajian ini berfokus kepada unsur feminisme dalam filem-filem Hollywood. Kajian ini telah dilakukan terhadap enam buah filem Hollywood yang diterbitkan sekitar tahun 1937 hingga 1990. Kajian ini menganalisis cabaran kaum wanita berbangsa Cina di Amerika. Cabaran yang dinyatakan dalam kajian ini termasuklah pengekaln identiti kaum Cina, cabaran pengamalan tradisi orang Cina dan juga mendominasi kaum lelaki terhadap kaum wanita Cina. Analisis kajian ini didapati berfokus kepada ketaksamaan sosial yang wujud dari segi faktor gender. Oleh yang demikian, kajian ini didapati memberikan panduan awal dalam kajian semasa untuk meneliti tentang ketaksamaan sosial yang wujud dari segi faktor gender.

Kajian Rajamorgan Veerappan berjudul, *Kalidasa's Shakuntala And The Malay Classic Movie Dewi Murni: A Comparative Study* (2007) adalah sebuah kajian Sarjana Kesenian dari Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya. Kajian ini telah dilakukan untuk mengenal pasti sama ada plot cerita filem *Dewi Murni* diadaptasikan daripada karya *Shakuntala* yang telah dihasilkan oleh Kalidasa atau sebaliknya. Penemuannya menunjukkan bahawa terdapat banyak persamaan antara filem *Dewi Murni* dan karya *Shakuntala*. Walau bagaimanapun filem ini telah direka berdasarkan sosiobudaya, pemikiran dan tradisi kehidupan tempatan.

Walaupun kedua-dua kajian tersebut didapati tidak berkait rapat dengan kajian semasa tetapi ia memberikan satu panduan kepada pengkaji dalam usaha mengkaji filem dan juga memberikan pendedahan terhadap teknik menganalisis. Kedua-dua kajian ini juga memberikan panduan dalam usaha mengumpul data daripada filem dan juga menggambarkan kesan filem sebagai media didikan.

Selain daripada kajian Ijazah Sarjana yang tersebut di atas, terdapat juga beberapa kajian ilmiah yang perlu diambil perhatian dalam kajian semasa. Kajian Chong Foo Juan berjudul, *Budaya Malaysia Dalam Filem Sepet (2006/2007)*, meneliti aspek budaya dalam filem Melayu tempatan. Kajian ini telah memaparkan pelbagai unsur budaya orang Melayu yang berasaskan tradisi kehidupan dan norma. Penemuan kajian pula menunjukkan bahawa aspek-aspek budaya yang ditonjolkan dalam filem tersebut sesuai dengan budaya orang Melayu di Malaysia.

Seterusnya, kajian berjudul, *Pemikiran Melayu Dalam Filem Sayang Salmah: Satu Analisis Sosio Budaya Masyarakat Melayu (1998/1999)* oleh Rosmi Binti Muhammad juga diambil perhatian. Kajian ini pula menganalisis tentang kehidupan seharian orang Melayu pada tahun 50-an dari sudut kekeluargaan, amalan tradisi, kepercayaan terhadap ilmu hitam, kepentingan pusaka bagi orang Melayu, adat resam, pakaian dan penggunaan bahasa. Sebagai kesimpulannya kajian ini menyatakan bahawa filem ini memang mencerminkan sosiobudaya dan tradisi kehidupan masyarakat Melayu dengan tepat.

Manakala kajian Mohammad Nazeri bin Nozlan yang berjudul, *Analisis Slogan 'Filem Kita Wajah Kita' Dalam Filem Malaysia Dan Peranan Finas (2006/2007)*, pula adalah sebuah kajian ilmiah yang menganalisis tentang kandungan filem-filem Melayu Malaysia berasaskan tradisi, budaya dan aspek-aspek sosial masyarakat Malaysia. Dalam penemuannya, beliau menyatakan bahawa filem-filem Melayu tempatan memang memberikan tumpuan terhadap tradisi dan sosiobudaya kehidupan orang Melayu dengan tepat dan jelas.

Ketiga-tiga kajian tersebut lebih berfokus kepada amalan budaya, tradisi dan aspek-aspek kehidupan sosial masyarakat Melayu. Oleh yang demikian kajian-kajian tersebut tetap dapat memberikan input kepada kajian semasa dari segi teknik pengumpulan data, cara analisis dibuat dan cara penyampaian penemuan kajian.

Selain itu, kajian berjudul, *Astro Tamil Nadaganal: Oor Aaivu (2006/2007)* oleh Naga Devi turut diambil perhatian dalam ulasan kesusasteraan. Kajian ini pula menganalisis tentang kandungan drama negara India yang disiarkan melalui Astro Vaanavil yang meneliti amalan-amalan yang kurang sihat dalam drama-drama tersebut. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa drama-drama negara India yang tersebut di atas adalah kurang sesuai dengan amalan kehidupan sosial masyarakat India Malaysia. Beliau juga berpendapat bahawa drama-drama dari India mampu merosakkan nilai kehidupan masyarakat India Malaysia. Kajian ini penting kerana ia membicarakan kehidupan sosial masyarakat India Malaysia. Hal ini sudah pasti membantu kajian semasa untuk memahami

dan menginterpretasikan kehidupan sosial masyarakat India seperti mana digambarkan dalam FFTM.

Selain itu terdapat juga beberapa buah buku yang harus diberi perhatian dalam kajian tentang filem. Dalam pada itu, buku-buku seperti *Film History; Theory And Practice* (1985) yang telah dihasilkan oleh Allen Robert Clyde dan Gomery Douglas, buku berjudul, *World Cinema: A Short History* (1973) yang dikarang oleh David Robinson dan buku berjudul, *Film History* (2003) yang dihasilkan oleh Thompson Kristin dan Bordwell adalah tiga buah buku yang harus dirujuk untuk mengetahui tentang sejarah perkembangan dunia filem. Penulisan yang terperinci dalam ketiga-tiga buku ini adalah amat penting dalam penulisan bab ketiga dalam kajian semasa yang berkaitan dengan sejarah perkembangan filem.

Seterusnya, buku berjudul *Tamil Cinema: The Cultural Politics of India's Other Film Industry* yang dikarang oleh Selvaraj Velayutham pada tahun 2008 adalah sebuah lagi buku yang penting dalam usaha membincangkan tentang sejarah perkembangan industri perfileman Tamil. Buku ini memberikan suatu pemahaman yang mendalam tentang sejarah perkembangan industri perfileman Tamil di negara India dan membantu dalam penulisan tentang sejarah perkembangan industri filem di negara India dalam kajian semasa.

Buku berjudul, *Understanding Indian Movies: Culture, Cognition and Cinematic Imagination* (2008) yang telah dikarang oleh Patrick Colm Hogan pula membincangkan

tentang industri perfileman di negara India dan mengkaji filem-filem di negara India dalam pelbagai perspektif seperti tradisi, budaya, emosi, tema dan sebagainya. Buku ini mengangkat filem sebagai sebuah bahan yang menggambarkan realiti kehidupan sosial. manakala buku yang telah dihasilkan oleh Rachel Dwyer (2015) yang berjudul, *Mumbai Middlebrow: Ways of Thinking about the middle ground in Hindi Cinema* pula merupakan sebuah hasil karya yang mengkaji filem-filem Hindi sebagai sebuah bahan yang berpotensi untuk mencerminkan nilai, budaya dan realiti kehidupan masyarakat tersebut. Kedua-dua kajian ini adalah memberikan panduan kepada pengkaji untuk menganalisis kehidupan sesuatu kelompok masyarakat berdasarkan filem-filem yang dihasilkan oleh mereka.

Selain itu, buku yang dihasilkan oleh Andrew Tudor (1974) berjudul *Image And Influence: Studies In The Sociology Of Film* dan buku yang dikarang oleh Armes Roy (1974) berjudul *Film And Reality* turut diberi perhatian. Kedua-dua buku ini adalah mengkaji filem daripada perspektif sosiologi. Pelbagai unsur seperti emosi, bayangan, muzik, pelakon, plot cerita, adegan dan sebagainya yang wujud dalam sesuatu filem dinyatakan memainkan peranan penting dalam penggambaran realiti kehidupan sosial sesuatu masyarakat. Hal-hal ini telah dibincangkan dalam buku-buku tersebut. Manakala buku-buku tersebut pula memberikan suatu pemahaman yang mendalam kepada pengkaji dalam usaha melakukan kajian terhadap FFTM daripada perspektif sosiologi.

Buku berjudul *Cinemas Of The World* (2003) yang dihasilkan oleh James Chapman pula merupakan sebuah buku yang membicarakan industri perfileman dari sudut bandangan sebagai bahan kajian akademik. Buku ini telah membina dasar bagaimana industri

perfileman berkembang maju sebagai suatu bidang akademik. Oleh hal yang demikian buku ini pula membantu dalam kajian semasa bagi penulisan bahagian konsep filem sebagai sebuah bahan kajian akademik.

Kesemua kajian lepas yang telah dibincangkan di atas adalah berkaitan dengan filem dan media. Selain itu, terdapat juga beberapa penyelidikan yang telah dilakukan sebelum ini yang berkaitan dengan bidang sosial dan stratifikasi sosial yang harus diberi tumpuan.

Kajian Ijazah Sarjana yang berjudul, *Pemaparan Isu-Isu Sosial Dalam Puisi-Puisi Tamil Malaysia Selepas Kemerdekaan* (2007) oleh Mohamed Sabib Bin Abdullah adalah kajian yang berfokus kepada isu-isu sosial dalam kalangan masyarakat India Malaysia. Kajian ini dilakukan terhadap puisi-puisi Tamil tempatan yang telah dihasilkan selepas kemerdekaan negara. Dalam kajian ini Mohamed Sabib Bin Abdullah telah mengkaji isu-isu sosial yang berkaitan dengan keruntuhan nilai-nilai moral, masalah kewarganegaraan, status dan pergelutan ekonomi, sistem kasta, kehidupan di ladang, penindasan terhadap golongan wanita, keadaan ekonomi dalam kalangan kelompok masyarakat India Malaysia dan perjuangan terhadap bahasa Tamil serta pendidikan. Kajian ini didapati lebih berfokus kepada masalah sosial dan perjuangan kehidupan kelompok masyarakat India Malaysia. Pada masa yang sama, kajian ini juga telah menggambarkan ketaksamaan sosial yang wujud dalam kalangan orang India Malaysia. Hasil kajian pula menunjukkan bahawa isu-isu sosial yang dipaparkan dalam puisi-puisi Tamil tempatan adalah menggambarkan realiti kehidupan masyarakat India di Malaysia. Kajian ini juga menggambarkan kebimbangan

para penulis Tamil tempatan mengenai kehidupan orang India Malaysia dalam usaha memperjuangkan budaya, tradisi, warisan dan maruah kaumnya.

Selain itu, kajian Ijazah Sarjana Sastera oleh Kumarasamy Thannimalai yang berjudul *Isu-Isu Sosial Yang Digambarkan Oleh Novel-Novel Tamil Malaysia Sekitar 1990-an* (2011) merupakan sebuah lagi kajian yang menganalisis tentang isu-isu sosial yang terkandung dalam novel-novel Tamil tempatan. Kajian ini juga menganalisis tentang isu-isu sosial seperti institusi keluarga, keruntuhan moral, kemiskinan, penderitaan kehidupan harian, kesedaran tentang kepentingan pendidikan dan bahasa ibunda, penindasan terhadap golongan wanita, masalah kasta dan kegilaan terhadap kuasa politik dalam kalangan orang India Malaysia. Kesemua isu tersebut adalah diteliti berdasarkan perwatakan dan senario dalam novel-novel Tamil yang dihasilkan sekitar tahun 1990-an. Dalam kajiannya, Kumarasamy Thannimalai hanya mengkaji isu-isu sosial dalam bentuk masalah sosial dan perjuangan kehidupan sosial kelompok masyarakat India Malaysia. Walaupun ketaksamaan sosial dalam kalangan kelompok masyarakat India Malaysia tidak diangkat sebagai isu utama dalam kajian ini tetapi hal ini juga secara tidak langsung telah dibincangkan dalam kajian ini.

Seterusnya adalah kajian tesis Falsafah Kedoktoran yang telah dilakukan oleh Sagar Narayanan pada tahun 2009 berjudul, *Satu Kajian Tentang Corak Pemikiran Sosial Masyarakat India Yang Terpapar Dalam Novel Tamil Malaysia (1957-1987)*. Kajian ini menumpukan perhatian kepada corak pemikiran masyarakat India Malaysia dalam kehidupan sosial mereka yang digambarkan oleh novel-novel Tamil tempatan. Kajian ini

juga menampakkan keserasian dengan kajian yang telah dilakukan oleh Mohamed Sabib Bin Abdullah dan Kumarasamy Thannimalai dari sudut tema kajiannya yang berfokus kepada isu-isu seperti masalah sosial dan keruntuhan moral dalam kalangan orang India, pembentukan institusi keluarga, kehidupan orang India di ladang, penindasan terhadap wanita dan penderitaan yang disebabkan kemiskinan, kepentingan pendidikan, masalah-masalah lain seperti sistem kasta, minuman keras, gangguan seksual dan sebagainya dijadikan sebagai topik-topik perbincangan dalam kajian ini. Justeru itu, kajian ini juga didapati membincangkan isu-isu sosial kelompok masyarakat India Malaysia dari sudut masalah sosial dan perjuangan sosial mereka.

Ketiga-tiga kajian ini sebenarnya tidak berkaitan dengan media filem, tetapi subjek perbincangannya adalah berkait rapat dengan kajian semasa yang berfokus kepada aspek sosial kehidupan kelompok masyarakat India Malaysia. Kajian-kajian tersebut memberikan suatu penjelasan tentang kehidupan sosial masyarakat India Malaysia sejak kemerdekaan negara hingga sekarang berdasarkan karya kreatif tempatan. Pada masa yang sama, perjuangan masyarakat India dalam usaha pembentukan kehidupan sosial yang diharapkan juga jelas ternyata melalui kajian-kajian tersebut. Seterusnya, kewujudan ketaksamaan sosial dalam kalangan orang India Malaysia juga secara tidak langsung telah digambarkan. Oleh yang demikian, kajian-kajian ini dapat dijadikan sebagai bahan rujukkan dalam kajian semasa untuk mengenali kehidupan sosial dan mengetahui bagaimana terbentuknya ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat India Malaysia.



Seterusnya adalah penelitian terhadap dua buah kajian yang menganalisis tentang isu-isu sosial kelompok masyarakat India Malaysia. Tema kajian dan subjek perbincangan kedua-dua buah tesis kajian Ijazah Sarjana ini adalah didapati hampir sama.

Kajian Ijazah Sarjana Sastera yang berjudul, *Isu-Isu Semasa Dalam Cerpen Tamil Malaysia Dari Tahun 1990-2006* (2011) oleh Umadevi Brabakaran. Bab tiga dalam kajian ini menganalisis tentang isu-isu sosial yang berkaitan dengan institusi keluarga, pendidikan, kepentingan wanita, keruntuhan moral dan amalan kepercayaan masyarakat India Malaysia. Apabila meneliti bab tersebut, didapati isu-isu sosial yang dibincangkan dalam bab ini kebanyakannya adalah didekati dan dipersepsi dari segi perjuangan sosial sahaja. Hal ini dikemukakan berdasarkan senario-senario yang dipetik daripada cerpen-cerpen Tamil. Kesimpulan kajian ini mengemukakan masalah yang dihadapi oleh orang India Malaysia dalam kehidupan harian mereka dan cara menghadapi masalah-masalah tersebut.

Selain itu, sebuah lagi kajian Ijazah Sarjana berjudul, *Kajian Isu-Isu Semasa Dalam Cerpen Tamil Terbitan Akhbar Malaysia Nanban* (2011) oleh Kalaivani Palaney juga merupakan kajian yang berkaitan dengan aspek sosial masyarakat India Malaysia. Kajian ini meneliti cerpen-cerpen yang diterbitkan dalam akhbar *Malaysia Nanban* dalam jangka masa tahun 2000-2003. Kajian ini juga mengemukakan isu-isu sosial dalam bentuk masalah yang dihadapi oleh orang India dalam kehidupan sosial. Isu-isu sosial yang dikemukakan dalam kajian ini termasuklah masalah dalam institusi keluarga, salah guna kuasa dalam politik, isu sekolah dan pendidikan dalam kalangan pelajar India, institusi kuil, kehidupan warga tua, jenayah dalam kalangan orang India, keruntuhan moral, masalah kaum wanita

dan masalah yang dihadapi dalam penentuan kedudukan sosial berdasarkan taraf ekonomi mereka. Kajian ini telah dilakukan berdasarkan peristiwa dan watak perwatakan dalam cerpen-cerpen tersebut. Hasil kajiannya hanya mengemukakan isu-isu sosial sepertimana yang digambarkan dalam cerpen-cerpen Tamil sahaja.

Kedua-dua kajian tersebut yang dilakukan terhadap isu-isu semasa adalah dibuat berdasarkan kehidupan sosial masyarakat India Malaysia. Walaupun kedua-dua kajian ini meneliti masalah yang dihadapi oleh masyarakat India Malaysia, ianya secara tidak langsung turut menyentuh ketaksamaan sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat India Malaysia. kajian-kajian ini juga dapat dimanfaatkan dalam kajian semasa untuk mengenali bagaimana isu-isu sosial ini dapat membentuk ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat. Analisis dalam kajian-kajian tersebut juga dapat membantu kajian semasa untuk membandingkan bentuk kehidupan sosial orang India yang terdapat dalam hasil tulisan kreatif dengan apa digambarkan dalam FFTM.

Selain itu, terdapat tiga buah kajian Ijazah Sarjana Sastera yang harus diberi perhatian. Ketiga-tika kajian ini meneliti tentang kehidupan sosial, pemikiran politik dan pemikiran feminisme dalam kalangan orang India Malaysia. Dalam pada ini kajian Ijazah Sarjana Sastera berjudul, *Social And Political Developments In The Indian Community Of Malaya 1920-1941* (1969) oleh Ampalavanar Rajeswary merupakan sebuah kajian yang menganalisis tentang kehidupan sosial masyarakat India sebelum kemerdekaan negara iaitu dari tahun 1920 hingga 1941. Dalam kajian ini, Ampalavanar Rajeswary telah mengkaji tentang kehidupan sosial masyarakat India Malaysia pada zaman penjajahan British. Beliau

telah menjalankan kajiannya berasaskan institusi keluarga, agama, pendidikan Tamil, politik dan masalah permit kerja dalam kehidupan orang India. Walaupun kehidupan sosial orang India pada zaman selepas kemerdekaan telah mengalami pelbagai perubahan positif namun masih terdapat beberapa aspek kehidupan sosial yang tidak banyak mengalami perubahan. Oleh yang demikian, kajian ini juga boleh membantu pengkaji dalam mengenali kehidupan sosial awal orang India di Tanah Melayu dan bagaimana hal ini masih kelihatan dalam kehidupan sosial orang India pada zaman ini.

Selain itu, kajian Ijazah Sarjana Sastera yang dihasilkan oleh Thiyagarajah A.K.Chinniah berjudul, *Socio-Political Philosophy Of Thiruvalluvar* (2000) juga harus diberi tumpuan. Kajian ini dilakukan berdasarkan karya *Thirukkural* yang telah dihasilkan oleh Thiruvalluvar pada abad yang ke-2 masihi. Kajian ini memberikan tumpuan kepada aspek sosial dan politik. Bahagian sosial dalam kajian ini lebih berfokus kepada hal-hal yang berkaitan dengan nilai-nilai moral yang menjadi asas kehidupan. Ini termasuklah nilai-nilai seperti kasih sayang, disiplin, kebebasan, usaha gigih, tidak berjudi dan sebagainya. Hal ini dikaitkan dengan kehidupan individu, keluarga, pertanian, politik dan sebagainya yang merupakan sebahagian dalam kehidupan sosial. Dalam kesimpulannya beliau telah menyatakan bahawa panduan aspek sosial dan politik yang dikemukakan dalam karya *Thirukkural* adalah sesuai diamalkan pada bila-bila masa. Hal ini juga membantu pengkaji dalam usaha mengenali nilai kehidupan sosial dan unsur politik orang India yang diikuti sejak zaman awal lagi. Hal ini kerana, nilai kehidupan dan aspek politik ini adalah memainkan peranan penting dalam memberikan justifikasi kepada beberapa ketaksamaan sosial yang tidak mengalami perubahan dalam kalangan masyarakat.

Seterusnya kajian Ijazah Sarjana Sastera yang dihasilkan oleh Achee Subramaniam (1995) yang berjudul, *Wanita Dalam Novel Tamil Malaysia (1910-1970)* dan kajian yang dihasilkan oleh Palani Krishnasamy (2011), yang berjudul, *Pemikiran Femenisme Dalam Sajak Tamil Moden Malaysia* adalah dua buah kajian yang meneliti kedudukan, kehidupan, dan cabaran yang wujud dalam kalangan wanita India Malaysia. Ini merupakan suatu isu yang dibincangkan berdasarkan perbezaan gender yang membawa kepada penindasan terhadap kaum wanita. Walaupun kedua-dua kajian ini tidak membincangkan secara langsung tentang ketaksamaan sosial dalam gender tetapi perbincangan menggambarkan kewujudan ketaksamaan sosial dalam gender. Justeru itu, kedua-dua kajian ini juga dapatlah dikatakan sesuai dimanfaatkan dalam kajian semasa dalam usaha mengenali punca kepada kewujudan ketaksamaan sosial dalam aspek gender.

Selain daripada kajian Falsafah Kedoktoran, kajian Ijazah Sarjana dan kajian Ilmiah yang tersebut di atas, terdapat juga beberapa buah buku yang perlu diberi perhatian. Sehubungan dengan itu, hasil karya N.S.Eisenstadt (1971) berjudul, *Social Differentiation and Stratification*, hasil penulisan Judah Matras (1975) berjudul, *Social Inequality, Stratification And Mobility*, buku yang dihasilkan oleh R.Kerbo Harold (2012) yang berjudul, *Social Stratification And Inequality* dan buku berjudul, *Ketidaksamaan Sosial* (2000) yang dikarang oleh Kntya Marippan adalah beberapa buah buku yang lebih rapat dengan unsur ketaksamaan sosial. kesemua buku ini membincangkan tentang ciri-ciri penting ketaksamaan sosial dan juga mengemukakan tentang kesan yang dapat dibawa oleh ketaksamaan sosial dalam sesuatu kelompok masyarakat.

Manakala buku yang dihasilkan oleh T.B.Bottomore yang berjudul, *Class in Modern Society* (1966) dan buku yang dikarang oleh Mayer B. Kurt dan Buckley Water (1970) berjudul, *Class and Society* adalah dua buah buku yang membincangkan tentang kelas sosial sebagai salah satu prinsip asas dalam kewujudan ketaksamaan sosial dalam sesuatu kelompok masyarakat. Kesemua buku ini memberikan pemahaman yang mendalam kepada pengkaji tentang ketaksamaan sosial dan tiga prinsip utama ketaksamaan sosial iaitu status sosial, kelas sosial dan kuasa yang membina ketaksamaan sosial.

Seterusnya, hasil penulisan Mario Rutten (1995) berjudul, *Farms and Factorie; Social Profile of Large Farmers and Rural industrialists in west India* juga harus dirujuk. Buku ini mengkaji tentang berbezaan yang wujud dalam kalangan kelompok masyarakat India di negara India berasaskan kedudukan kelas sosial. Pengarang telah mengangkat pertanian dan industri pembuatan sebagai dua buah industri yang mewujudkan perbezaan kelas sosial dalam kelompok masyarakat tersebut. Manakala buku yang berjudul, *At work in the informal economy of India: A Perspective From the bottom up* (2013) yang dikarang oleh Jan Breman juga turut membincangkan isu kelas sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat India di negara India. Buku ini pula mengkaji tentang kehidupan golongan kelas buruh khususnya keadaan pekerja tidak tetap di Gujarath, India. Pelbagai penindasan terhadap golongan buruh dan nasib malang mereka telah dikaji dan dikemukakan dalam buku ini. Kedua-dua buku ini didapati membincangkan isu kelas sosial yang membawa kepada perbezaan kedudukan yang wujud dalam kelompok masyarakat India. Oleh yang

demikian kedua-dua buku ini juga memberikan suatu pemahaman tentang ketaksamaan sosial yang terhasil daripada perbezaan kelas sosial.

Selain itu, hasil penulisan A.Thacinamoorthy yang berjudul, *Tamilar Nakarikanum Panpatum* (Chennai: 2008) dapat memberikan pandangan yang menyeluruh tentang budaya dan kehidupan sosial masyarakat Tamil dari pelbagai aspek kehidupan. Misalnya, pernyataan fakta tentang kedudukan politik, peperangan, struktur sosial, sistem perkahwinan, prinsip masyarakat tentang sistem keluarga, kehidupan beragama, kesenian dan sebagainya dijelaskan dalam penulisan beliau. Fakta-fakta sebegini sudah pasti akan membantu pengkaji untuk memahami nilai-nilai kehidupan masyarakat Tamil secara lebih dekat lagi.

Seterusnya, A.Thacinamoorthy juga dalam bukunya berjudul, *Sanga Ilakkiyangal Unarthum Manitha Uravugal* (Tanjavoor: 2001), mengkaji tentang nilai hubungan sesama manusia. Kajian ini hanya memberi perhatian terhadap struktur susun lapis masyarakat Tamil serta hubungannya di antara satu sama lain. Dalam pada ini, beliau turut menyentuh tentang budaya yang diwarisi oleh masyarakat Tamil di sebalik hubungan antara lelaki dan wanita, ibu bapa dan anak, raja dan rakyat jelata, orang perseorangan, masyarakat dan sebagainya. Perhubungan sosial tersebut terbentuk berasaskan nilai-nilai moral dan budaya warisan masyarakat Tamil. Walaupun kajian ini menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap aspek sosiologi tetapi asas nilai-nilai moral masyarakat Tamil yang dikemukakan adalah amat berguna dalam proses analisis fakta dalam kajian semasa.

Buku hasil karya Sami Chidambaranar yang berjudul, *Palanthamilarin Vaalvum Valarchiyum* (Chennai: 1988) dan Buku hasil karya S.Vaittialinggam yang berjudul, *Tamil Panpattu Varalaru* (Citambaram: 1997) merupakan dua buah buku yang membincangkan ciri-ciri kehidupan masyarakat Tamil. Maklumat ini dirasakan penting untuk memahami latar belakang ciri-ciri utama kehidupan Masyarakat Tamil. Hal ini dapat dimanfaatkan dalam menjustifikasikan ciri-ciri tertentu yang digambarkan dalam FFTM, dalam proses analisis kajian semasa.

Selain itu, tiga hasil karya M.Rajantheran dan S.Manimaran berjudul, *Adat dan Pantang Larang Orang India* (Shah Alam, 1994); *Perayaan Orang India* (Shah Alam, 1994) dan *Kepercayaan Orang India* (Shah Alam, 1997) turut diberi perhatian. Ketiga-tiga buku ini membincangkan unsur-unsur budaya yang berkaitan dengan nilai-nilai positif dan falsafah masyarakat India yang diamalkan turun-temurun oleh masyarakat India Malaysia. Seterusnya buku berjudul, *Kaathal Manavalkai Kulanthai Valarpu* oleh A.K.Guna (2006, Chennai) yang membincangkan isu-isu sosial kaum India Malaysia juga dirujuk dalam kajian semasa. Bahan-bahan ini juga memberikan suatu pemahaman kepada pengkaji untuk mengenali budaya, tradisi, nilai-nilai dan kehidupan sosial masyarakat India Malaysia secara lebih mendalam.

Selain itu, artikel bertajuk Cultural Identity in KS Maniam's Ratnamuni dalam buku berjudul, *Language and Communication* (2015), yang dihasilkan oleh R.Babae, K.T.Sedehi dan R.Talif turut diberi perhatian. Artikel ini memberikan panduan tentang

kehidupan masyarakat India Malaysia berkaitan dengan budaya, agama, tradisi kehidupan sebagai warga negara ini. Pemahaman dan penjiwaan aspek ini adalah amat penting untuk memahami ketaksamaan sosial dari perspektif sejarah sosial. Pemahaman ini akan membolehkan pengkaji untuk meletakkan asas yang kukuh dalam menjelaskan latarbelakang pembinaan nilai ketaksamaan sosial yang digambarkan dalam FFTM.

Penelitian terhadap kajian-kajian lepas ini menunjukkan kewujudan beberapa penyelidikan berbentuk akademik yang melibatkan bidang sosiologi, media dan perfileman. Dari sudut bidang sosial pula, terdapat beberapa kajian yang meneliti aspek kehidupan sosial masyarakat India Malaysia. Kebanyakan kajian ini didapati menganalisis isu-isu sosial yang wujud dalam kalangan mereka. Penelitian menunjukkan tiada sebarang kajian dilakukan secara khusus terhadap aspek ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat India Malaysia. Oleh Hal yang demikian, kajian ini akan memenuhi ruang tersebut.

Selain itu, penelitian terhadap kajian-kajian lepas juga menunjukkan keadaan di mana FFTM tidak dianalisis sebagai bahan kajian akademik di peringkat Ijazah Sarjana mahupun Ijazah Kedoktoran. Justeru itu, kajian semasa direka bentuk untuk mengatasi kekurangan yang tersebut itu. Selain itu, ulasan kesusasteraan yang telah dilakukan setakat ini juga menunjukkan bahawa tiada sebarang kajian yang serupa atau bertindih dengan tajuk penyelidikan semasa.



## **1.7. Metodologi Kajian**

Tujuan kajian ini adalah untuk membuat pengamatan terhadap ketaksamaan sosial dalam FFTM. Kajian ini dilakukan berdasarkan sumber-sumber yang sudah diterbitkan atau disiarkan dalam bentuk penerbitan. Oleh itu, kajian ini berbentuk penyelidikan kualitatif yang menjurus kepada kajian perpustakaan bersifat interpretasi FFTM. Dalam kes ini FFTM yang sudah diterbitkan dalam bentuk pita video, VCD dan DVD dijadikan sumber asas untuk mencari dan penginterpretasi ketaksamaan sosial dalam kalangan kelompok masyarakat India Malaysia.

Kualitatif adalah sebuah kaedah kajian yang mempunyai maksud yang lebih luas dan sukar untuk diberikan pendefinisian yang khusus (Monique Hennink, Inge Hutter & Ajay Bailey, 2011, p.6). Walau bagaimanapun kaedah kualitatif dikatakan sebagai metodologi yang diguna pakai untuk menyelidik fenomena sosial secara menyeluruh (Creswell, 2003, p.182). Sebab itulah kaedah kualitatif dirujuk sebagai kaedah yang sesuai dalam mengkaji hal-hal sosial, budaya, psikologi dan antropologi (Sabitha Marican, 2005, p.12).

Kaedah kualitatif juga dikatakan lebih berfokus kepada kajian tentang kandungan. Dalam hal ini, kaedah kualitatif membantu pengkaji membuat penyelidikan tentang bagaimana sesuatu perkara itu berlaku dalam sesuatu suasana. Kajian kualitatif lebih memberikan tumpuan kepada bagaimana proses itu berlaku dan apa pula hasilnya (Sabitha

Marican, 2005, p.11). Oleh sebab kajian semasa meneliti ketaksamaan sosial dalam FFTM dan bagaimana ia terbina sehingga membawa kepada ketaksamaan sosial, maka kaedah kualitatif adalah sesuai diaplikasikan. Hal ini sedemikian kerana proses serta hasil pembentukan ketaksamaan sosial dalam FFTM dapat dikaji secara berkesan menerusi kaedah ini.

Nombor-nombor tidak memainkan peranan signifikan dalam kajian-kajian bersifat kualitatif. Data-data yang dikaji berasaskan kaedah kualitatif sukar dijustifikasikan berasaskan nombor (Renata Tesch, 1990, p.4). Sebagai contohnya hal-hal seperti imej diri, tingkah laku, emosi, suasana, keindahan, nilai-nilai kehidupan, budaya, agama, nilai kehidupan institusi keluarga, kepentingan bahasa, maruah bangsa dan sebagainya adalah perkara-perkara yang sukar dinilai berasaskan nombor atau perkiraan statistik dalam memberikan penjelasan terhadap pemboleh ubah yang dikaji. Hal-hal tersebut hanyalah sesuai dikaji berdasarkan fenomena dan bukannya berdasarkan nombor (Sabitha Marican, 2005, p.11).

Ini bukannya bermaksud nombor tidak langsung wujud dalam sesuatu kajian kualitatif. Nombor masih boleh wujud dalam kajian kualitatif tetapi kewujudannya tidak akan berfungsi dalam bentuk kiraan dan tidak boleh mempunyai ciri-ciri seperti yang terdapat pada sistem nombor iaitu campur, tolak, darab dan bahagi (Bailey, 1984, p.91). Hal ini boleh terdiri daripada angka-angka yang wujud dalam tarikh, masa, bilangan nombor ikut susunan dan sebagainya. Dengan ini dapatlah difahamkan bahawa

penyelidikan kualitatif digunakan untuk mengkaji fenomena dan proses yang sukar dinilai atau dikira dengan nombor.

Kualitatif adalah sebuah kaedah yang sesuai untuk melakukan sebarang bentuk kajian sosial. Hal ini kerana kualitatif membenarkan pengkaji untuk membuat penyelidikan secara semula jadi tentang pengalaman dan kehidupan masyarakat berasaskan sosiologi. Unsur penyelidikan secara semula jadi memberikan peluang kepada pengkaji untuk memahami secara mendalam tentang isu yang dikaji (Monique Hennink, Inge Hutter & Ajay Bailey, 2011, p.9).

Kaedah kualitatif biasanya menggunakan pendekatan mengkaji kandungan (Sabitha Marican, 2005, p.11). Ini bermaksud kaedah ini digunakan untuk mengkaji maksud sebenar kandungan berasaskan pengumpulan data (Merriam, 2009, p.2). Hal ini sedemikian kerana, biasanya kaedah kualitatif berusaha untuk mencari jawapan dalam kajiannya berasaskan pelbagai suasana sosial yang meliputi individu mahupun kumpulan masyarakat yang terlibat dalam kajian tersebut. Justeru itu, kaedah kualitatif berasaskan kajian kandungan dikatakan sesuai diguna dalam kajian kualitatif yang melibatkan kehidupan sosial seperti perakaman individu, sejarah, kandungan teks, visual (filem, drama, rancangan televisyen) yang mencerminkan kehidupan sosial dan membawa maksud terhadap kehidupan duniawi (Denzin & Lincoln, 2003, p.5). Kajian semasa menganalisis tentang ketaksamaan sosial yang wujud dalam kelompok masyarakat India Malaysia sepertimana yang digambarkan dalam FFTM. Oleh yang demikian, teknik yang dikemukakan iaitu mengkaji maksud

sebenarnya kehidupan sosial masyarakat India Malaysia berdasarkan data daripada FFTM adalah sesuai digunakan dalam kajian semasa.

Selain itu, kaedah kualitatif juga sesuai digunakan untuk memahami isu-isu yang kompleks dan memberikan pendedahan kepada idea baru dalam usaha menerangkan kepercayaan dan tingkah-laku kelompok sosial. Hal ini juga memberikan peluang untuk mengidentifikasikan dan memberikan tafsiran kepada norma budaya atau sosial sesuatu kelompok masyarakat atau individu (Monique Hennink, Inge Hutter & Ajay Bailey, 2011, p.10).

Kualitatif pada dasarnya adalah kajian yang menggunakan pendedahan interpretasi. Kaedah ini memberikan peluang untuk membuat interpretasi terhadap data-data kajian yang dikumpulkan. Interpretasi ini dilakukan dalam bentuk pembangunan kajian, memberikan huraian individu berdasarkan fenomena, mengkaji data, tema, kategori dan pada akhirnya membina kesimpulan secara persendirian berasaskan teoritikal bergantung pada analisis yang telah dilakukan (Creswell, 2003, p.182). Kajian berdasarkan interpretasi terhadap simbol dan tanda juga mempunyai kepentingan dalam kaedah kualitatif (Merriam, 2009, p.13). Dalam kajian semasa pelbagai simbol dan tanda juga didapati menunjukkan kewujudan ketaksamaan sosial dalam kelompok masyarakat India Malaysia. Oleh yang demikian, pendekatan ini juga didapati sesuai digunakan dalam kajian semasa untuk menganalisis ketaksamaan sosial yang terhasil daripada pelbagai simbol dan tanda sepertimana yang digambarkan dalam FFTM.

Kaedah kualitatif mengemukakan cara analisis yang berbeza antara satu kajian dengan kajian yang lain berdasarkan bidang kajian (Renata Tesch, 1990, p.4). Pada masa yang sama kaedah ini juga mengemukakan alat-alat penyelidikan seperti temu ramah, perbincangan, pemerhatian, menganalisis kandungan, pemerhatian visual dan sebagainya dalam usaha mengumpul data dan menyelidik (Monique Hennink, Inge Hutter & Ajay Bailey, 2011, pp.8-9). Kaedah kualitatif yang digunakan dalam penyelidikan sosial mempunyai disiplin yang berbeza mengikut kehendak kajian. Seseorang pengkaji harus memahami bentuk kajiannya untuk memilih disiplin kajian yang sesuai (Denzin & Lincoln, 2003, pp.3-5).

Kajian semasa adalah berkaitan dengan ketaksamaan sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat India Malaysia sepertimana yang terpapar dalam FFTM. Dalam hal ini, pemahaman serta interpretasi tentang kandungan filem Tamil dan sosiologi perlu dilaksanakan secara sistematik supaya hasil penyelidikan yang terbaik dapat dicapai. Maka bagi mencapai suatu hasil kajian yang mantap, pengkaji harus meneliti serta berusaha sedaya upaya untuk mendedahkan maksud tersirat dan tersurat sebaik mungkin.

Interpretasi sesuatu data itu mempunyai kaitan rapat dengan pendekatan hermenutik. Dalam kaedah kualitatif, pendekatan hermenutik mengemukakan cara interpretasi dalam sesuatu kajian. Hermenutik juga mengemukakan sistem yang sesuai untuk mengkaji isu-isu sosial secara teratur seperti mengumpul data, mendokumentasikan dan menganalisis (Melissa Freeman, 2008, p.338).

### 1.7.1. Hermenutik

Hermenutik adalah kaedah yang digunakan untuk menginterpretasikan maksud sebenar sesuatu perkara yang dikaji (Zygmunt Bauman, 1978, p.10). Manusia dikatakan secara semula jadi mempunyai sifat untuk menginterpretasikan atau mentafsir sesuatu perkara dalam kehidupan sosial harian. Interpretasi ini biasanya dibuat berdasarkan minat, ilmu dan pengalaman kehidupan yang diperoleh oleh seseorang individu yang mengemukakan pendapatnya tentang perkara yang diinterpretasikan (Melissa Freeman, 2008, p.386). Namun demikian sifat interpretasi yang wujud secara semula jadi ini tidaklah dilihat sebagai tafsiran bersifat profesional atau secara sistematik dan tidaklah diterima sebagai tafsiran yang sah.

Dalam keadaan ini hermenutik mengemukakan panduan yang jelas dalam penginterpretasian sesuatu perkara secara sistematik dan teoritikal (Osman Bilen, 2000, p.32). Dengan ini dapat dikatakan bahawa hermenutik mengenyahkan imaginasi dan persepsi tersendiri yang tidak berasas dalam sesuatu kajian (Howell, 2013, p.162).

Perkataan hermenutik berasal daripada bahasa Greek "*hermeuin*", yang membawa maksud interpretasi (Heidegger, 2004, p.7). Istilah interpretasi ini merujuk kepada tafsiran yang dibuat oleh individu terhadap tindakan atau fenomena berdasarkan pemahaman yang diperolehnya. Pemahaman ini pula terbentuk berdasarkan keinginan, punca atau sebab dan

implikasi tindakan atau fenomena tersebut (Palmisano, 2001, p.304). Justeru itu, kata hermenutik itu sendiri menjelaskan bahawa ianya lebih digunakan untuk menginterpretasikan sesuatu perkara.

Pada mulanya hermenutik telah digunakan untuk mengkaji, menganalisis dan menginterpretasikan kitab-kitab keagamaan. Hermenutik lebih dikaitkan dengan dewa Zeus, dan kajian tentang kitab *Bible* (Gibbons, 2008, p.462). Kemudian kaedah ini mula menjadi popular dalam bidang mengkaji dan menginterpretasikan hal-hal yang berkaitan dengan kesusasteraan dan undang-undang (Howell, 2013, p.157). Setelah itu, kaedah ini mula diguna pakai dalam pelbagai bidang seperti sejarah, arkeologi, alam semula jadi, hubungan antarabangsa, politik, psikologi, agama, sains kemanusiaan, sosiologi dan sebagainya (Willis & Jost, 2007, p.106).

Hermenutik adalah sesuai digunakan untuk mengkaji dan menginterpretasikan kandungan teks. Kaedah ini digunakan dalam bentuk menganalisis untuk memperoleh pemahaman yang terperinci tentang kandungan teks (Mccarthy, 1978, p.169). Hal ini kerana kaedah ini memberikan peluang kepada pengkaji untuk menginterpretasikan kandungan sesuatu teks bagi mendapat pemahaman secara mendalam dan mendapatkan maksud sebenar kandungan teks (Gadamer, 2004, p.157). Pada masa yang sama, hermenutik juga mengemukakan struktur yang sistematik untuk mengkaji dan penginterpretasi sesuatu teks secara akademik. Sebab itulah pada mulanya hermenutik dilihat lebih popular dalam kajian tentang teks-teks agama, sejarah dan undang-undang (Zygmunt Bauman, 1978, p.10).

Walau bagaimanapun kini keadaan ini telah berubah dan hermenutik lebih digunakan dalam kajian bidang sosiologi (Gibbons, 2008, p.462). Bidang sosial adalah sebuah bidang yang luas dan tidak boleh dirangkumi dalam bahan teks sahaja. Kini bidang sosial melibatkan pelbagai bentuk kajian yang dibuat berasaskan pengalaman, persepsi masyarakat, melalui pelbagai saluran media termasuk media cetak, elektronik dan internet. Justeru itu, hermanutik adalah lebih luas diguna pakai dalam kajian tentang bidang sosiologi bukan sahaja berasaskan teks tetapi juga digunakan bagi saluran-saluran yang lain (Howell, 2013, p.155). Oleh sebab kajian semasa adalah kajian tentang ketaksamaan sosial yang digambarkan dalam FFTM, maka pendekatan hermanutik adalah sesuai diaplikasikan.

Dalam bidang sosiologi, kaedah hermenutik digunakan untuk menginterpretasikan dan memahami isu-isu atau kejadian-kejadian sosial melalui analisis pada maksud sebenar. Analisis ini biasanya dilakukan terhadap penglibatan individu dan kumpulan masyarakat dalam isu atau kejadian tertentu (Willis & Jost, 2007, p.106). Hal ini sedemikian kerana hermenutik memberi fokus terhadap kajian tentang manusia dan aktiviti mereka melalui fenomena dan kejadian dalam usaha memahami kehidupan sosial sesuatu golongan masyarakat. Justeru itu, pemahaman tentang sifat manusia dilihat penting dalam kajian sosiologi berdasarkan hermenutik (Howell, 2013, p.155).

Isu-isu ketaksamaan sosial dalam kajian semasa adalah dipetik daripada kejadian yang digambarkan dalam adegan-adegan FFTM. Kejadian yang berkaitan dengan ketaksamaan sosial pula terhasil daripada suasana yang terbina dalam FFTM. Oleh hal yang



demikian, ideologi yang dikemukakan dalam pendekatan hermenutik adalah didapati memberikan panduan yang sistematik untuk mengkaji tentang ketaksamaan sosial sepertimana yang digambarkan dalam FFTM

Hermenutik juga dirujuk sebagai seni interpretasi yang memainkan peranan penting dalam bidang kemanusiaan (Osman Bilen, 2000, p.31). Bidang kemanusiaan ini merujuk kepada norma-norma dalam kehidupan sosial. Hermenutik menyatakan bahawa manusia menjadi subjek sosial melalui pembinaan dan penyertaan mereka dalam fenomena sosial berdasarkan kepercayaan dan nilai yang telah terbina secara langsung dan tidak langsung dalam warisan kehidupan mereka (Mccarthy, 1978, p.180).

Hermenutik adalah kaedah yang biasanya digunakan untuk menginterpretasikan apa yang telah berlaku (Howell, 2013, p.158). Sebab itulah kaedah ini dilihat popular dalam kajian tentang teks-teks sejarah. Tetapi dalam sosiologi, kaedah ini dilihat sesuai digunakan untuk mengkaji tentang perkara yang telah berlaku dan juga sedang berlaku. Hermenutik menyatakan bahawa seseorang pengkaji harus peka dan mempunyai pemahaman yang mendalam tentang apa yang sedang berlaku dalam fenomena sosial harian tentang apa yang dikaji dalam kajian sosial. Unsur ini dikatakan penting khususnya dalam kajian tentang fenomena sosial (Osman Bilen, 2000, p.55). Hal ini kerana, fenomena sosial sentiasa mengalami perubahan kerana kehidupan sosial individu dan masyarakat adalah terbentuk daripada budaya, tradisi dan aspek-aspek sosial lain yang sentiasa mengalami perubahan mengikut kehendak masa dan tempat. Justeru itu, kaedah hermenutik membuatkan seseorang pengkaji sentiasa peka dengan perubahan sosial yang berlaku pada masa ke

semasa. Unsur ini akan memberikan keupayaan kepada seseorang pengkaji dalam menilai kehidupan sosial secara tepat.

Berdasarkan kenyataan ini, kajian semasa didapati sesuai menggunakan kaedah hermenutik. Hal ini kerana, kajian tentang kejadian sosial dalam filem bukan sahaja mengemukakan perkara-perkara yang telah berlaku tetapi juga membincangkan tentang fenomena semasa. Manakala ketaksamaan sosial yang dianalisis berdasarkan FFTM dalam kajian semasa juga boleh mengalami pelbagai perubahan mengikut kehidupan semasa. Budaya, tradisi, kepercayaan dan falsafah yang wujud dalam kelompok masyarakat Tamil Malaysia juga memberikan makna kepada perubahan tersebut. Maka kaedah ini didapati sesuai digunakan dalam kajian tentang FFTM untuk mengetahui kewujudan ketaksamaan sosial dalam kalangan kelompok masyarakat Tamil Malaysia mengikut bentuk kehidupan mereka di Malaysia.

Hermenutik juga menyatakan bahawa seseorang pengkaji harus memahami tentang sifat kemanusiaan secara umum dan juga secara khusus tentang kelompok masyarakat yang dikaji. Hal ini dikatakan akan memberikan kesedaran tentang elemen-elemen yang ingin dikaji tentang individu atau kumpulan sosial yang dibuat kajian. Dalam hal ini, pemahaman tentang diri sendiri dikatakan akan mencerminkan kehidupan sosial masyarakat yang ingin dikaji oleh pengkaji (Mccarthy, 1978, p.180).

Hermenutik juga mengemukakan sifat-sifat pemahaman diri sendiri dalam usaha menjalankan kajian tentang sosial. Hermenutik mengemukakan dua perkara dalam kajian sosial seperti berikut (Osman Bilen, 2000, p.54):-

- i) Seseorang pengkaji harus memahami dengan jelas tentang subjek yang ingin dikajinya. Untuk itu, pengkaji harus menyesuaikan diri dengan fenomena sosial tersebut untuk mendapatkan pengalaman bagi menginterpretasikan sesuatu perkara secara berpengalaman dan juga akademik.
- ii) Seseorang pengkaji juga harus menerima realiti tentang perkara yang dikaji.

Thomas Mccarthy (1978, p.180) pula menyatakan bahawa pemahaman tentang diri sendiri adalah penting dalam usaha memahami tentang dunia luar. Hal ini kerana pengalaman kehidupan pengkaji sosial biasanya mempunyai kaitan dengan ciri-ciri sosial yang ingin dikaji. Hal ini akan memberikan kesedaran secara mendalam kepada seseorang pengkaji tentang elemen-elemen sosial yang dikaji.

Pandangan tersendiri pengkaji dalam penginterpretasian sesuatu perkara berasaskan pengalaman yang terbentuk daripada ilmu yang diperoleh dan pengalaman kehidupan dilihat penting dalam usaha mencari maksud sebenar tentang hal yang dikaji. Sebab itulah hermenutik menyatakan bahawa interpretasi bukan terbentuk daripada penyatuan aktiviti manusia tetapi ia adalah struktur asas yang berasaskan pengalaman kehidupan (Firmin, 2008, p.559).

Perkara ini terbentuk berdasarkan pengalaman sosial individu atau masyarakat. Hermenutik dikatakan kaedah yang sesuai untuk mengkaji pengalaman manusia dalam kehidupan sosial (Osman Bilen, 2000, p.54). Pengalaman inilah yang dikatakan akan membentuk dan membangunkan kehidupan sosial kerana penglibatan manusia dalam aktiviti sosial inilah yang membentuk kejadian-kejadian sosial (Willis & Jost, 2007, p.106). Maka kajian tentang sosial dapat dikatakan mempunyai kaitan yang rapat dengan kajian tentang pengalaman manusia. Sebab itulah hermenutik dirujuk sebagai proses untuk memahami pengalaman masyarakat setiap hari dalam usaha untuk memahami dan menginterpretasikan maksud sebenar dunia sosial (Vannini, 2009, p.558).

Kajian semasa yang menganalisis tentang ketaksamaan sosial dalam kalangan kelompok masyarakat Tamil Malaysia sepertimana yang ditonjolkan dalam FFTM adalah berkait rapat dengan ideologi hermenutik yang tersebut di atas. Hal ini kerana, ketaksamaan sosial yang digambarkan dalam FFTM adalah perkara yang terhasil daripada pengalaman masyarakat Tamil sebagai warga Malaysia. Pelbagai perkara seperti keadaan kehidupan sebagai warga Malaysia, kemajuan negara, pengamalan nilai, budaya, tradisi, kepercayaan mengikut suasana kehidupan di negara ini memainkan peranan penting dalam pembinaan ketaksamaan sosial dalam kelompok masyarakat Tamil Malaysia. Maka aspek pengalaman yang dikatakan penting untuk mengenali ketaksamaan sosial dalam kaedah hermanutik, secocok dengan usaha mengenalpasti ketaksamaan sosial yang digambarkan dalam FFTM.

Selain itu, hermenutik juga dikatakan sesuai untuk mengkaji tentang maksud-maksud yang tersembunyi atau tersirat dalam sesuatu kajian (Zygmunt Bauman, 1978,

p.10). Hal ini adalah penting dalam sesuatu kajian sosial khususnya dalam usaha penginterpretasian tentang sesuatu perkara. Dalam kajian sosiologi, sesuatu data tidak semestinya mengemukakan maklumat-maklumat secara tersurat. Mungkin ada maksud yang tersembunyi. Proses interpretasi membuka ruang kepada pengkaji untuk memperoleh isi tersirat melalui analisis. Analisis yang dilakukan dalam pelbagai sudut pandangan yang berbeza akan mengemukakan maksud-maksud yang ingin diketahui oleh seseorang pengkaji (Firmin, 2008, p.559). Pada masa yang sama, kaedah ini juga memberikan pemahaman dan penemuan baru dalam kajian sosiologi (Melissa Freeman, 2008, p.386).

Filem pada umumnya dirujuk sebagai bahan hiburan. Maka perkara yang digambarkan dalam sesuatu filem itu tidak semestinya menggambarkan ketaksamaan sosial secara langsung. Tetapi kewujudan ketaksamaan sosial yang tersirat dalam filem dapat dikesan secara melalui kejadian-kejadian sosial yang digambarkan dalam filem-filem yang terlibat. Dalam keadaan ini hermenutik membuka ruang kepada pengkaji untuk mengenalpasti data tersirat yang terdapat dalam FFTM.

Bahasa memainkan peranan penting dalam kajian sosial. Bahasa akan memberikan panduan untuk memahami apa yang sebenarnya berlaku dalam sesuatu kejadian sosial. Bahasa secara umumnya dapat dikatakan berfungsi sebagai penggerak sosial (Joseph, 2004, p.54). Hermenutik juga memberikan peluang kepada seseorang pengkaji untuk memahami dan menginterpretasikan tentang perkara yang dikajinya berdasarkan bahasa yang digunakan. Penginterpretasian serta pemahaman isu-isu sosial berasaskan hermenutik bukan bermaksud mengkaji tentang linguistik bahasa tersebut tetapi memahami apa yang

ingin dikemukakan melalui bahasa tersebut (Mccarthy, 1978, p.172). Justeru itu, kaedah ini juga dilihat sesuai untuk kajian bidang sosial berasaskan analisis yang dilakukan terhadap bahasa komunikasi yang digunakan. Hal ini kerana perkataan dan pertuturan dalam sesuatu filem itulah yang memberikan pemahaman sebenar tentang kejadian sosial. Oleh hal yang demikian, teknik hermenutik yang mengkaji bahasa dari sudut penggunaan perkataan dan gaya pertuturan dalam FFTM juga memberikan peluang kepada pengkaji untuk mengidentifikasikan data-data yang berkaitan dengan ketaksamaan sosial.

Dengan ini hermenutik dapat dikatakan sesuai digunakan dalam kajian semasa yang mengkaji tentang kesaksamaan sosial masyarakat India Malaysia sepertimana yang terpapar dalam FFTM. Hermenutik menekankan empat metode yang utama untuk melakukan analisis dalam bidang sosiologi. Metode-metode yang terkandung dalam pendekatan Hermenutik adalah seperti berikut:-

1. Identifikasi dan dokumentasi (*Identification and documentation*)

Pendekatan ini digunakan untuk mendapatkan data primer daripada FFTM. Ini akan dilakukan dengan cara *stop motion* (berhenti filem seketika dan mencatat). Untuk bahagian ini bahan-bahan rakaman filem seperti *vedio compact disc* VCD dan *digital compact disc* DVD diguna pakai. Kaedah *stop motion* amat sesuai dalam kajian semasa kerana kaedah ini dapat membantu untuk mengidentifikasikan adegan-adegan yang sesuai dengan kajian semasa yang berkaitan dengan unsur ketaksamaan sosial yang digambarkan dalam FFTM secara langsung dan tidak langsung. Sebagai contohnya, jika dalam sesuatu filem terdapat situasi yang

berkaitan dengan kewujudan ketaksamaan sosial dari segi kedudukan ekonomi, maka tontonan filem diberhentikan seketika untuk merekodkan adegan tersebut dalam bentuk dokumentasi, menjadi data asas kajian. Dalam keadaan ini, masa adegan tersebut juga turut dicatatkan. Setelah itu, tontonan filem diteruskan untuk mengidentifikasikan adegan-adegan lain yang berkaitan dengan subjek perbincangan. Mendokumentasikan adegan dengan masa adegan tersebut dapat memberikan peluang kepada pengkaji untuk melihat semula adegan tersebut pada bila-bila masa. Jika ada sebarang keraguan maka pengkaji boleh melihat semula adegan yang memerlukan perhatian semula. Hal ini akan menjimatkan masa dalam kajian dan juga memberikan penelitian yang jelas tentang bahan kajian. Semua filem ditonton dan data asas dibina berasaskan pendekatan ini.

Seterusnya, bahan-bahan sumber sekunder juga diidentifikasikan dan didokumentasikan. Bahan-bahan akademik dan autoritatif yang dihasilkan oleh para sarjana yang berkaitan dengan subjek kajian semasa diteliti dan direkodkan dalam bentuk nota. Bahan-bahan seperti disertasi, tesis, kertas kerja seminar, artikel, buku-buku rujukan, jurnal, majalah, akhbar, ucapan, berita, rakaman suara, laporan, dan sebagainya adalah diteliti sebagai sumber sekunder. Sebahagian hal ini dicapai menerusi ulasan kesusasteraan. Kesemua bahan ini dapat membantu dalam bahagian analisis untuk membuat interpretasi yang logik dan relevan dengan subjek perbincangan.

Selain itu, teori yang sesuai dengan kajian semasa juga diidentifikasikan berdasarkan pendekatan ini.

## 2. Penyiasatan dan pembahagian data (*Investigation and compartmentalization*)

Penyiasatan akan dilakukan terhadap data-data yang telah didokumentasikan sebelum ini. Data-data yang dikumpulkan daripada sumber primer dan sumber sekunder akan dipertimbangkan untuk memastikan kerelevanan dengan objektif kajian semasa. Selepas itu, setiap data yang telah didokumentasikan ini diklasifikasikan dan dibahagikan mengikut sistematik yang telah ditetapkan dalam kajian semasa. Sebagai contohnya, jika adanya data-data yang berkaitan dengan unsur kuasa maka hal ini akan di dimuatkan dalam bahan yang berkaitan dengan unsur tersebut. Pada masa yang sama, terdapat juga faktor-faktor yang mempengaruhi unsur kuasa. Oleh yang demikian, data ini juga turut akan diklasifikasikan berdasarkan faktor-faktor tersebut untuk memastikan bahan kajian tidak lari daripada subjek perbincangan dan tidak bercampur aduk dengan subjek kajian yang lain. Proses ini dapat memastikan data-data yang relevan daripada FFTM diklasifikasikan mengikut kehendak bab dan kehendak subjek perbincangan dalam bab. Sistem ini juga dapat memastikan supaya kajian semasa mencapai objektif kajian dalam setiap bab.

### 3. Interpretasi dan analisis (*Interpretation and analysis*)

Setelah data diklasifikasikan berdasarkan sistematik kajian yang telah ditetapkan, maka penginterpretasian dan analisis akan dilakukan berdasarkan data-data tersebut. Setiap analisis dan interpretasi ini adalah dilakukan berdasarkan adegan-adegan dalam FFTM yang berfokus kepada unsur kajian iaitu ketaksamaan sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat India Malaysia. Manakala setiap analisis juga turut diperkukuhkan berdasarkan data-data yang relevan. Pada masa yang sama, analisis ini juga adalah dilakukan berdasarkan objektif yang telah ditetapkan. Metode ini penting untuk mengkaji FFTM tadi daripada bahan visual disertai audio



secara lebih objektif dan sistematik. Hal ini adalah penting dalam usaha mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan objektif kajian semasa.

Manakala teori yang telah dipilih dalam kajian semasa juga diaplikasikan dalam bahagian ini untuk memantapkan lagi analisis kajian.

#### 4. Pendekatan penggabungan dan pencapaian kesimpulan (*Integration and conclusion*)

Pendekatan ini pula digunakan untuk mengabung penemuan-penemuan kajian dari setiap unit kecil kajian yang termuat dalam kajian semasa. untuk memperlihatkan pencapaian kesimpulan yang bersifat menyeluruh. Setelah itu, setiap penemuan tersebut akan disusun mengikut kehendak kajian semasa. Seterusnya, penemuan kajian tersebut dihuraikan secara ringkas dan padat. Usaha ini dibuat berdasarkan panduan objektif kajian yang sudah pun ditentukan. Proses penggabungan serta pencapaian kesimpulan menyeluruh ini dicapai berdasarkan kaedah deduktif.

### **1.8. Pembahagian Bab**

Kajian ini keseluruhannya telah dihasilkan dalam tujuh bab. Bab pertama adalah pengenalan secara keseluruhan tentang kajian semasa. Bab ini merangkumi penjelasan tentang bidang kajian, tajuk kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, pernyataan masalah, tumpuan dan batasan kajian, ulasan Kesusasteraan, metodologi kajian dan kesimpulannya.

Bab kedua membicarakan tentang konsep dan teori yang digunakan dalam kajian ini. Konsep film dan film sebagai bahan kajian akademik, konsep sosiologi dan ketaksamaan sosial dimuatkan dalam bab ini. Hal ini diikuti dengan penjelasan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi ketaksamaan sosial. Selain itu, dalam bahagian teori pula teori struktural-fungsional dan teori konflik dimanfaatkan untuk mengkaji tentang unsur ketaksamaan sosial. Selain itu, teori semiotik yang berfokus kepada teori semiologi komunikasi, kod-kod budaya (*cultural code*) dan sosio semiotik juga turut diperbincangkan dalam bab ini.

Bab ketiga pula membicarakan tentang latar belakang dan sejarah perkembangan. Bahagian ini dimulakan dengan sejarah perkembangan film dunia, diikuti dengan film di negara India, sejarah film Melayu di Malaysia dan juga film Tamil di Malaysia.

Bab keempat, kelima dan keenam adalah bahagian analisis subjek kajian. Pada bab keempat kajiannya dilakukan terhadap ketaksamaan sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat India berdasarkan pendekatan status sosial. Bahagian ini akan dibincangkan berdasarkan faktor-faktor yang menentukan status sosial iaitu budaya, agama dan pendidikan.

Bab kelima pula dianalisis berdasarkan pendekatan kelas sosial. Dalam bahagian ini ketaksamaan sosial yang terbentuk melalui kelas sosial diteliti berdasarkan faktor ekonomi.

Manakala bab keenam pula mengkaji ketaksamaan sosial dalam kalangan kelompok masyarakat India Malaysia berdasarkan pendekatan kuasa yang berfokus kepada faktor-faktor seperti gender dan politik/pentadbiran. Bab terakhir iaitu bab ketujuh pula memuatkan penemuan-penemuan utama kajian ini.

## **1.9. Kesimpulan**

Secara ringkasnya dapatlah dikatakan bahawa kajian ini adalah meneliti tentang ketaksamaan sosial yang wujud dalam kalangan kelompok masyarakat India Malaysia berdasarkan FFTM. Analisis adalah dilakukan berdasarkan objektif yang telah ditentukan dalam kajian semasa. Untuk itu, kaedah kualitatif, pendekatan hermenutik digunakan untuk membuat analisis. Kajian ini juga dibahagikan kepada tujuh buah bab untuk melakukan kajian secara sistematik. Kesemua perkara yang dikemukakan dalam bab pertama adalah digunakan dalam kajian semasa untuk memastikan supaya kajian tidak terkeluar daripada subjek perbincangan dan objektif kajian yang berfokus kepada ketaksamaan sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat India Malaysia.